

29 DEC 1998

Sorotan-Dasar Luar

DASAR LUAR MALAYSIA DAPAT PENGIKTIRAFAN DUNIA

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR: Dilihat daripada sudut mana sekalipun, tahun 1998 adalah satu tahun yang amat sibuk bagi Kementerian Luar Malaysia, terutama ketika negara sedang "dibicarakan" pada kaca mata dunia.

Sama ada wajar atau tidak, media asing khususnya telah memberi fokus yang begitu ketara kepada apa jua perkara remeh temeh yang berbangkit, tanpa mengambil kira hakikat bahawa secara keseluruhannya Malaysia terus berada dalam suasana yang aman dan tenteram.

1998 juga merupakan satu tahun yang menyaksikan turun naik para diplomat negara, terutama diplomat nombor satunya iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Penahanan dan perbicaraan yang sedang berlangsung ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan tanda lebam di matanya, mencetuskan gelombang bantahan dari dalam dan luar negeri, terutama negara-negara barat dan media antarabangsa.

Bagi mereka, bukan hanya Anwar yang berada di kandang tertuduh, tetapi juga negara Malaysia itu sendiri.

Anwar yang sedang dibicarakan atas empat tuduhan rasuah dengan menggunakan kedudukannya untuk mengganggu siasatan polis ke atas dakwaan salah laku seksnya, mendakwa beliau telah dipukul selepas ditangkap pada 20 September. Beliau kemudian muncul di mahkamah dengan tanda lebam di mata.

Bagi Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk N. Parameswaran, 1998 adalah "satu tahun yang sungguh kalut".

Katanya, Wisma Putra telah bertindak serta merta memastikan kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara sentiasa mengikuti perkembangan semasa dalam negeri agar penjelasan dapat dibuat kepada kerajaan-kerajaan asing.

"Kita telah cuba menjawab segala tohmah dan tuduhan yang dilemparkan oleh media antarabangsa," katanya.

Parameswaran berkata, pemilihan Malaysia untuk menduduki kerusi anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tahun 1999-2000 adalah satu perkembangan yang sungguh memberangsangkan kepada dasar luarnya.

"Ia satu pengiktirafan antarabangsa, terutama jika dilihat daripada sudut situasi dalam negeri. Kita syukur kerana masih meraih undi tertinggi (untuk kerusi itu)," ujar Parameswaran lagi.

Kuala Lumpur memperolehi 174 daripada 176 undi, diikuti Argentina (171), Namibia (167), Kanada (131) dan Belanda (122).

Ketika mengulas perkembangan itu, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pemilihan Malaysia untuk menduduki kerusi itu mencerminkan pengiktirafan dunia terhadap peranan yang dimainkan oleh negara ini dalam hal ehwal antarabangsa.

Parameswaran juga berkata, hakikat bahawa Malaysia berjaya menjadi tuan rumah kepada dua acara antarabangsa yang besar iaitu Sukan Komanwel ke 16 pada bulan September dan sidang kemuncak APEC pada bulan November membuktikan memang "Malaysia Boleh".

Malaysia menerima sanjungan seluruh dunia kerana menjadi tuan rumah yang sempurna kepada 5,000 atlet dan pegawai dari 70 negara yang menyertai sukan kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik itu.

Kuala Lumpur selanjutnya menerima kedatangan sekumpulan ketua-ketua negara yang menyertai persidangan APEC. Walaupun bilangan mereka agak kecil, tetapi peri pentingnya persidangan itu tidak dapat dinafikan dan

kecekapan Malaysia mengendali dan mengurus pemimpin-pemimpin dunia itu sekali lagi membuktikan keupayaan negara ini.

Kedua-dua acara bertaraf dunia itu berlangsung tanpa sebarang gangguan, semuanya hasil sokongan padu pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

"Apa yang berlaku di Malaysia sedikitpun tidak menjejaskan kedudukan kita di peringkat antarabangsa," ujar Parameswaran.

Kejayaan menduduki kerusi Majlis Keselamatan PBB dan menjadi tuan rumah kepada acara-acara itu satu kelegaan kepada Malaysia, di tengah-tengah serangan media asing dan demonstrasi jalanan penyokong-penyokong Anwar yang menjadikan "reformasi" sebagai slogan mereka.

Kemudian muncul pula Al Gore, Naib Presiden Amerika Syarikat yang mencetus provokasi menyokong perjuangan anti kerajaan yang dijalankan oleh pergerakan reformasi itu.

Tanggapan Gore terhadap pendokong pergerakan itu sebagai "rakyat Malaysia yang berani" membangkitkan kemarahan dan protes daripada pelbagai lapisan rakyat negara ini, yang bukan sahaja risau menyaksikan rusuhan berdarah, kemusnahan harta benda dan kejadian rogol yang berleluasa di Indonesia sebelum itu, tetapi juga turut mengalami sendiri padah daripada kemelesetan ekonomi.

Ia menyebabkan Setiausaha Rendah Kementerian Luar Bagi Hal Ehwal Amerika, Datuk John Nuek memanggil Duta Amerika ke Malaysia John Malott untuk menyuarakan bantahan rasmi Malaysia terhadap kenyataan Gore itu, yang bukan sahaja tidak sensitif tetapi turut mencabuli tatasusila serta ketertiban antara tuan rumah dan tetamu di dalam masyarakat Asia.

Ketika media asing masih terus-menerus memperbesar-besarkan perbicaraan Anwar, Malaysia terus mara ke hadapan, mempererat lagi hubungannya dengan negara-negara luar, khususnya negara-negara jiran.

Misalnya dalam kes Singapura, selepas berbulan-bulan atau mungkin juga bertahun-tahun berkonfrantasi, Kuala Lumpur dan republik itu memutuskan pada bulan Oktober untuk berusaha ke arah memperbaiki hubungan dua halanya.

Hubungan Malaysia-Singapore menjadi semakin lega apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Goh Chok Tong mengadakan pertemuan singkat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang pada 5 November.

Segala yang lampau telah menjadi sejarah. "Semuanya berakhir dengan baik," kata Parameswaran.

Dr Mahathir, penggerak utama kepada kejayaan Malaysia menangani krisis ekonominya, juga berkunjung ke Thailand, Filipina, Singapura dan Brunei dalam jangka masa sebulan Februari lepas bagi membincangkan kegawatan ekonomi serantau dan pada bulan Mac pula, beliau ke Myanmar untuk tujuan yang sama.

Dr Mahathir juga melawat Jerman dan menghadiri persidangan Asia-Eropah (ASEM) di London pada bulan Mac, di mana beliau telah menyuarakan tentang perlunya dagangan matawang dikawal dan rejim kewangan antarabangsa disemak semula.

Dr Mahathir juga ke Sudan pada bulan Mei untuk meningkatkan lagi kerjasama Selatan-Selatan. Di samping itu beliau juga menghadiri persidangan negara-negara anggota G-15 di Kaherah.

Pada bulan Jun pula beliau melakukan lawatan kerja ke Jepun. Bagaimanapun, beliau tidak dapat menghadiri sidang kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) di Durban, Afrika Selatan kerana terpaksa memberi tumpuan kepada masalah ekonomi dalam negeri.

Dr Mahathir mengakhiri lawatan ke luar negaranya dengan berkunjung ke Hanoi bagi menyertai sidang kemuncak Asean kali ke enam pada bulan Disember.

Tahun 1998 juga menyaksikan kunjungan beberapa ketua negara asing ke Malaysia, termasuk Ratu Elizabeth dari England, Presiden Eritrea dan

Djibouti, Timbalan Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki dan Raja Mswati III dari Swaziland.

Malaysia turut berada di barisan hadapan dalam menyuarakan kebimbangannya terhadap situasi di Kosovo dan serangan ke atas Iraq oleh Amerika dan Britain.

Kuala Lumpur juga tidak pernah luntur dalam perjuangannya menuntut hak rakyat Palestin dan menyokong kemasukan Kemboja sebagai anggota ke 10 Asean pada persidangan pertubuhan itu di Hanoi.

Apa yang masih ditunggu untuk dilihat ialah seruan Malaysia agar dilaksanakan kawalan ke atas spekulasi matawang, yang dilihat sebagai punca utama berlakunya kerosakan kepada ekonomi di Asia Timur.

Seperti penyokong-penyokongnya, Dr Mahathir berkata, ia memerlukan masa beberapa tahun bagi sebuah jentera global raksasa mengusahakan kawalan itu, yang mana cadangan mengenainya semakin mendapat sokongan daripada banyak pemimpin dunia.

-- Bernama

ES AM